

07/02/2003

Ilham PM bina Kota Portugis akan jadi kenyataan

Idzham Hadi Sidik

MELAKA: Kota Portugis seumpama Rhode Island di Amerika Syarikat (AS) akan dibina di hadapan Sungai Melaka dalam tempoh setahun mulai Mac ini, bagi mewujudkan satu lagi mercu tanda laut negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata pembinaan projek itu diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dijangka membabitkan peruntukan Kerajaan Pusat.

"Ini akan menjadi satu lagi mercu tanda kita dari arah laut untuk menerima kunjungan pelancong.

"Dalam projek itu, sungai sepanjang empat kilometer akan dipenuhi restoran dan tempat rekreasi untuk pelancong," katanya berucap pada majlis makan malam pertemuan media serantau antara 14 wakil Forum Wartawan Dumai dan Kelab Media Massa Melaka (Kemm), di medan ikan bakar, Jeti Anjung Batu, dekat sini, malam kelmarin.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin dan wakil Pemerintah Kota Dumai, Herdi Salioso.

Mohd Ali berkata, pelbagai program dirancang dalam usaha mengeratkan hubungan dengan negara serantau seperti Indonesia terutama Dumai dan Pekan Baru.

Katanya, antara program yang dicadangkan termasuk penerbangan pesawat ringan serta aktiviti kayak dari Melaka ke Dumai.

Sehubungan itu, beliau berharap Kemm dapat merancang pelaksanaan program berkenaan bersama Belia 4B Malaysia.

Beliau berkata, sehingga kini, jumlah pelancong dari Indonesia ke Melaka menunjukkan peningkatan antara 10 peratus hingga 20 peratus setahun dan yakin keadaan itu akan berterusan tahun ini.

Berikutan itu, katanya, hubungan erat yang sedia ada harus diperkukuhkan dengan mengeneipkan perkara sentimen yang mungkin hanya memberi kebaikan dan politik tetapi bukan terhadap kebenaran, rakyat dan negara.

Sehubungan itu, katanya penting bagi semua pihak terutama wartawan memainkan peranan memberi penjelasan sebenar mengenai keadaan negara jiran bagi menjelaskan kekeliruan orang ramai terutama apabila berlaku konflik serta salah faham antara keduanya.